



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN

#### PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

#### PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA KANAN (M.4 EB.5) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA KANAN  
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.4 EB.5 (\$930 - \$1,490 EB KHAS \$1,530 - \$1,690 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Physiotherapy* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji M.3 atau sebanding tidak kurang dari 03 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memastikan semua kawasan rawatan, mesin-mesin serta peralatan-peralatan rawatan sentiasa berada di dalam keadaan bersih, kemas teratur dan selamat digunakan;
2. Mengendalikan rawatan ringan pemulihan anggota yang diberikan kepada pesakit-pesakit mengikut arahan Jurupulih Anggota;
3. Memberikan laporan tentang apa jua kejadian, kemalangan, ketidakhadiran pesakit dan sebagainya kepada Jurupulih Anggota;
4. Menghantar pesakit ke wad jika perlu;
5. Mengikuti prosedur penjagaan dan keselamatan bagi pesakit dan pekerja di tempat kerja;
6. Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa;
7. Mengawasi serta menjaga keselamatan pesakit yang menjalani rawatan pemulihan anggota;



8. Mengetahui tentang tatacara membantu Jurupulih Anggota bagi merawat pesakit dan apabila mengendalikan rawatan-rawatan ringan dan seterusnya mengikut amalan menyimpan rahsia sulit di antara perawat dan pesakit;
9. Membuat penilaian terhadap perkembangan pesakit serta memberi laporan tindak balas secara bertutur dan bertulis;
10. Mengikuti kursus-kursus yang berpatutan atau bersangkutan dengan tugas dan tanggungjawab bagi membantu meningkatkan keupayaan diri dan menyumbang ke arah keberkesanan organisasi secara berterusan;
11. Melatih dan menyelia Pembantu Jurupulih Anggota untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan;
12. Membuat pendaftaran pesakit yang menjalani Pemulihan Anggota dan seterusnya menyediakan laporan perangkaan bulanan di setiap awal bulan; dan
13. Bertanggungjawab terhadap penyimpanan dan pengeluaran semua barang-barang pemulihan anggota serta memastikan ianya dicatit ke dalam Buku Stok atau bin Kad.